



MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat negeri Kedah Darul Aman** yang berkelayakan serta berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

A. JAWATAN

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM
1.	Akauntan	WA41	Kewangan	Pengurusan dan Profesional	Kontrak/Tetap	RM2,820.00 - RM9,585.00
2.	Jurutera	J41	Kejuruteraan	Pengurusan dan Profesional	Kontrak/Tetap	RM2,529.00 - RM9,643.00

B. SYARAT LANTIKAN:

1. AKAUNTAN GRED WA41

- (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); **atau**
- (ii) lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00)
Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan adalah seperti di Lampiran B3A; **atau**
- (iii) lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA). (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00).

2. JURUTERA GRED J41 (KEJURUTERAAN AWAM / MEKANIKAL / ELEKTRIKAL)

- (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00).

C. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

D. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Calon-calon yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

E. CARA PERMOHONAN

- i. Pemohon **hendaklah** menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Bandaraya Alor Setar yang boleh didapati dengan **memuat turun** melalui Laman Web Rasmi MBAS di www.mbas.gov.my .
- ii. Borang permohonan jawatan yang lengkap diisi beserta dengan salinan dokumen perlu dihantar menggunakan sampul surat berukuran saiz A4 ke alamat:

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
JALAN KOLAM AIR, 05675 ALOR SETAR, KEDAH.**

- iii. Tiada sebarang caj bayaran dikenakan kepada pemohon jawatan MBAS.
- iv. Borang permohonan jawatan boleh diserahkan di kaunter Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 11, Menara MBAS, Jalan Kolam Air, Alor Setar Kedah.
- v. Nama jawatan dan gred yang dipohon hendaklah dinyatakan di kiri sebelah atas sampul surat permohonan.
- vi. Satu borang permohonan jawatan hanya untuk satu jawatan yang dipohon sahaja.
- vii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen berikut ;
 - Gambar berukuran pasport
 - Kad pengenalan
 - Sijil kelahiran
 - Sijil-sijil persekolahan dan pusat pengajian tinggi
 - Transkrip keputusan peperiksaan
 - Lain-lain dokumen sokongan(sekiranya perlu)**Salinan Dokumen Tidak Perlu Pengesahan Salinan Sebenar .**

- viii. Permohonan dari pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini serta Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini.
- ix. **Borang permohonan jawatan seperti berikut akan ditolak ;**
- Pemohon tidak memenuhi syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon.
 - Borang permohonan tidak lengkap diisi oleh pemohon. Pemohon diminta mengisi dengan lengkap semua ruangan yang disediakan pada borang permohonan jawatan MBAS.
- x. Bagi kelayakan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, pemohon perlu melampirkan salinan pengiktirafan kelayakan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui laman web interaktif <http://pengiktirafan.jpa.gov.my>.
- xi. Hanya calon-calon yang berjaya dalam tapisan awal akan disenarai pendek untuk sesi ujian dan temuduga. **CALON YANG BERJAYA AKAN DIMAKLUMKAN MELALUI E-MAIL.**
- xii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
- xiii. Iklan perjawatan ini boleh dirujuk dengan melayari laman web rasmi MBAS di www.mbas.gov.my sepanjang tempoh pengiklanan jawatan.
- xiv. Tarikh Tutup Permohonan : **28 DISEMBER 2021**

SENARAI KEAHLIAN BADAN PERAKAUNAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN

- (i) Malaysian Association of Certified Public Accountants;
- (ii) Institute of Chartered Accountants of Scotland;
- (iii) Institute of Chartered Accountants in England And Wales;
- (iv) Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- (v) Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);
- (vi) Institute of Chartered Accountants in Australia;
- (vii) Australian Society of Certified Practising Accountants;
- (viii) New Zealand Chartered Accountants;
- (ix) Canadian Institute of Chartered Accountants;
- (x) Institute of Chartered Accountants of India;
- (xi) Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom);

Nota: Senarai ini seperti yang termaktub dalam Jadual 1, Seksyen 14(1)(b) dan Seksyen 15(b) Akta Akauntan 1967 [Akta 94]